

KITALAH MALAYSIA

Oleh Jentayu

Tiada satupun negara di dunia ini didiami oleh sebuah bangsa sahaja waima Jepun, China, Arab Saudi dan beberapa negara lain yang dikenali sebagai “one state one nation”. Pasti ada beberapa kaum minoriti yang turut bersama mendiami negara tersebut. Seperti itu juga Indonesia yang ingin dikenali sebagai bangsa Indonesia, mereka juga sebenarnya dibentuk oleh pelbagai bangsa dan ras, tetapi hasil proses asimilasi, identiti bangsa yang berbeza itu dapat disimpulkan menjadi kesatuan yang mengikat di bawah slogan “Bhumika Tunggal Ika” yakni kepelbagaian di dalam kesatuan.

“Bersekutu Bertambah Mutu” pula adalah cogan kata yang terpatut sekian lama di jata negara kita, Malaysia. Cogan kata yang mentakrifkan bahawa sebuah kompromi yang tulen pasti mampu menghasilkan hasil dan karya yang bermutu untuk dinikmati oleh sekalian rakyat di bawah panji Jalur Gemilang. Benar, rantau Nusantara ini adalah rantau asal masyarakat Austronesia yang di bawahnya terdiri daripada sub keturunan bangsa Melayu sebagai payung utama kepada beberapa ratus etnik yang bertebaran di setiap pelosok kepulauan ini.

Sejarah yang sekian lama dipadamkan oleh orientalis Barat jelas menunjukkan bahawasanya rantau kepulauan Nusantara ini terbentang luas dari Kepulauan Madagascar di barat sehingga ke kepulauan di lautan pasifik di timur. Namun sesungguhnya tanah yang kita diami ini adalah milik mutlak Rabbul Jalil yang mengkehendakkan agar kita tidak jumud berada di dalam ruang lingkup sesuatu kaum sahaja.

Allah SWT berfirman di dalam Surah Al Hujurat ayat ke 13 yang bermaksud “Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari laki-laki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal di antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah lebih maha mengetahui dan maha mengenal”. Firman Allah jelas menunjukkan bahawa sifat penerimaan dalam hidup bermasyarakat amat dituntut agar kesejahteraan dapat dikekalkan sekalipun berlainan bangsa dan juga agama.

Hal ini telah ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW melalui kepimpinan yang penuh hikmah ketika baginda memimpin negara Islam Madinah yang mana masyarakat di Madinah pada ketika itu tidak sahaja terdiri daripada bangsa Arab yang beragama Islam tetapi juga masyarakat yang berketurunan Yahudi dan juga agama-agama lain. Hal inilah yang sedang dan telah dilaksanakan oleh negara kita Malaysia. Benar, negara ini diasaskan oleh masyarakat Melayu yang beragama Islam, negara ini juga didominasi oleh masyarakat Melayu Islam sebagai kaum terbesar dan dominan dan benar, rantau Nusantara ini adalah tanah yang telah ditakdirkan oleh Allah sebagai tempat leluhur bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, dengan sifat semulajadi bangsa Melayu yang begitu ramah dan amat memuliakan tetamu, kaum-kaum lain yang asalnya mendatang telah diterima dengan tangan yang terbuka oleh orang Melayu yang mengibaratkan mereka sebagai saudara kandung. Inilah hikmah dan nikmat Islam yang sekian lama berakar umbi di dalam masyarakat Melayu.

Walaupun bagaimanapun, keharmonian dan persaudaraan yang menjadi batu asas kepada tertegaknya sebuah negara yang bernama Malaysia ini acapkali diganggu gugat oleh politikus-politikus yang mempunyai agenda untuk menjadi jaguh dalam kalangan kaum sendiri. Seperti mana Sahifah Madinah yang memperuntukkan hak-hak tertentu bagi setiap individu dan kaum dalam negara Islam Madinah, Malaysia juga memperuntukkan hak bagi setiap individu dan kaum di dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi manifesto bagi negara ini. Perlembagaan yang didasari oleh syariah Islamiah ini dilihat cukup ampuh untuk sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama seperti Malaysia yang mana tiada seorang pun yang terkecuali daripada menerima hak yang sewajarnya.

Namun, di atas kebobrokan nilai insaniah, ada segelintir pihak yang cuba mengadu domba keharmonian rakyat di negara ini. Politik dilihat sebagai wadah untuk mencapai kesejahteraan melalui sistem demokrasi yang bersandarkan kepada sistem Demokrasi Beraja yang diamalkan di negara ini, namun telah diambil kesempatan untuk mewujudkan keadaan kurang senang kaum-kaum dan penganut agama lain. Golongan ultrakiasu pula seumpama api dalam sekam yang cuba meranapkan nilai-nilai sepunya masyarakat Malaysia melalui provokasi-provokasi melampau sehingga menyemarakkan api kebencian di antara kaum. Inilah budaya politik yang tidak matang yang sedang melanda negara ini hanya kerana

mendambakan kekuasaan sanggup merosakkan keharmonian masyarakat di negara ini. Persoalannya, bagaimana pula keadaan sekiranya pihak-pihak ultrakiasu ini berjaya memerintah Malaysia dengan keadaan perpaduan kaum yang kucar kacir sifatnya? Adakah mereka mampu tidur lena di atas kerosakkan yang mereka sendiri mulakan?

Perpaduan masa kini dilihat semakin gawat tetapi mujur adanya sukan yang berjaya menyatupadukan seluruh rakyat tanpa mengenal batas bangsa. Sekalipun tidak memungkinkan terpadamnya secara mutlak api kebencian, namun sekurang-kurangnya berjaya menyatukan sorakan seluruh rakyat Malaysia ketika mana wira-wira Olimpik dan Paralimpik negara sedang berjuang di pentas antarabangsa. Pada ketika itu terlihatlah, Abu, Ah Seng dan Muthu saling berpelukkan di antara satu sama lain apabila wira sukan negara berjaya, bersama-sama berpeluh dan terkedu ketika mana wira-wira sukan negara sedang berhempas pulas menghadapi tentangan yang maha dasyat dari pihak lawan dan bersama-sama menangis dan meratapi kecundangnyanya wira sandaran utama negara. Tiada ternampak riak wajah Ah Seng mengharapkan kemenangan negara China dan Muthu mendambakan kejayaan negara India tetapi mereka bersama-sama Abu mengimpikan kejayaan adalah milik mutlak Malaysia! Inilah yang dinamakan semangat Malaysia telah berjaya meresapi jiwa dan sanubari masyarakat berbilang kaum di negara ini. Ya, simbol perpaduan ini telah lama hilang dan tenggelam kerana segelintir individu yang rasis dan chauvinis! Mereka inilah yang wajar digelar petualang yang menjahanamkan keharmonian masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Tidak kira apa keturunan, bangsa mahupun agama, seharusnya kita sentiasa kekal menjadi kita. Kita adalah Malaysia dan akan kekal menjadi "Malaysia" buat selamanya. Sifat berlapang dada, saling menghormati dan penerimaan yang tulen adalah kunci utama kepada kesejahteraan. Disini kita dilahirkan, dan semoganya di sinilah kita disemadikan. Hanya melalui perpaduan dan kebersatuan sahaja yang mampu menjamin kelestarian Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat. Ayuh, gemakan sorakan KITALAH MALAYSIA!!

[#Jentayu](#)

[#BuildTheNation](#)